

Headline	Tuah watak susah senyum		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R16,17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 32,707
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,121



Tuah watak susah senyum

Oleh Ridzuan Abdul Rahman
mohamadridzuan@mediaprima.

Tuah dan nasib individu sememangnya berbeza. Ada yang sekali mencuba nasib dalam bidang seni terus diterima

penonton dan laris menjadi pilihan penerbit untuk membintangi produksi mereka. Selain itu, ada juga yang berkali-kali mencuba baru berpeluang mengecapi kemanisan hasil usaha gigih dilakukan.

Begitu situasi yang dilalui dua pelakon baru ini. Lakonan mereka menerusi drama bersiri *Derhaka Seorang Madu* di TV3, baru-baru ini, memikat penonton seterusnya berupaya membuat Abdul Rahman Nassim atau Aman Nassim, 24, dan Falisha Crossley, 28, tersenyum lebar.

Berikutan itu, mereka mula menjadi pilihan untuk membintangi pelbagai drama. Jadaul lakonan juga semakin padat membolehkan mereka berayukir kerana impian untuk mengukir nama sebagai pelakon berkualiti semakin menjadi kenyataan.

Aman yang berasal dari Johor Bahru, adalah bekas pelajar Fakulti Teater Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA). Tanpa bantuan sesiapa, dia mencuba nasib mengetuk pintu setiap

produksi untuk mencari peluang berlakon. Padanya jika tidak berbuat begitu, penerbit tidak kenal siapa dia.

"Saya buang perasaan malu demi mencari tapak dalam seni. Alhamdulillah dari sini saya banyak juga dapat tawaran berlakon drama," katanya yang mendapat semangat daripada ibu saudaranya, Salwa Abdul Rahman yang juga penyanyi popular era 1980-an.

Sebagai anak saudara penyanyi itu, Aman bagaimanapun tidak mahu bantuan bergantung dengan bantuan Salwa, sebaliknya lebih suka berusaha sendiri.

"Tak dinafikan apabila tiada nama, orang takkan pandang lakonan saya. Pada saya ini satu cabaran dan ia perlu diterima dengan hati terbuka. Saya perlu sentiasa berfikir positif kerana bukan mudah untuk mencapai kejayaan terutama dalam bidang seni kerana persaingan sangat hebat," kata anak bongsu daripada dua beradik ini.

Biar pun banyak berlakon drama, impak lakonannya hanya diterima peminat menerusi *Derhaka Seorang Madu*. Wataknya sebagai Muaz menyerlahkan bakatnya.

"Orang mula perasan saya menerusi drama Sebenarnya Saya Isteri Dia. Wa-

tak saya sebagai penuntut kolej yang juga rakan kepada Izzue Islam. Dalam *Derhaka Seorang Madu*, saya bawa watak sebagai pelajar sekolah dan kemudian dewasa. Saya sebenarnya tak kisah diberi watak apapun kerana saya akan buat kajian sebaik mungkin untuk membawakannya.

"Saya gembira kerana lakonan dalam *Derhaka Seorang Madu* menarik perhatian ramai sehinggakan ada yang bertanya kenapa saya susah nak senyum ketika melakonkan watak itu. Sebenarnya ada bahagian yang saya boleh senyum dan ada yang tidak kerana sudah diberi arahan oleh pengarah, Azhari Zain.

"Dia banyak bagi kebebasan untuk saya berlakon. Peminat nampak saya sentiasa tertekan kerana sebagai anak yang selalu didera takkan saya nak tersenyum pula. Senyuman saya ibaratnya amat mahal dan hanya boleh dilihat pada babak tertentu. Saya juga berterima kasih pada abang Azhan Rani dan Kak Lida yang membantu saya dalam melakonkan watak Muaz ini," katanya.

Lakonan Aman kini dapat disaksikan menerusi drama *Fira Ayuni* yang bersiaran menerusi slot *Samarenda* TV3. Dia juga terlibat dengan program rea-

Headline	Tuah watak susah senyum		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R16,17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 32,707
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,121

liti terbaru terbitan TV3, Lig Lawak Superstar (LLS) yang menemui penonton tidak lama lagi.

Tuah berbadan kecil

Falisha yang berdarah campuran Inggeris dan Cina sebelah bapa dan Melayu Sarawak sebelah ibu sememangnya memiliki wajah dan penampilan menarik. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam ini bermula dengan berlakon iklan komersial sebelum aktif berlakon drama dan mengacara

"Saya mula aktif pada hujung 2010 apabila berlakon iklan komersial. Peluang itu diperoleh ketika saya menjalani latihan praktikal di sebuah syarikat di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur. Disebabkan peluang demi peluang yang diperoleh, saya merujuk kepada keluarga untuk aktif berlakon. Mula-mula mereka kurang bersetuju juga dengan cara ini.

g yakinkan mereka bidang ini k juga boleh hidup jika kena caranya. Selepas melihat saya stabil, mereka sudah boleh menerima pilihan saya. Lagipun saya beruntung kerana boleh beralih arah kepada pekerjaan asal sekiranya karier seni kurang menjadi," kata anak kedua daripada tiga beradik ini.

Falisha yang mesra disapa dengan Sha pernah menyertai program 1,2,3...Tukar kendalian Sarimah Ibrahim yang bersiaran di Astro Ria. Selepas itu dia mencuba nasib untuk menjadi hos program Hello On Two dan Selamat Pagi Malaysia.

"Saya tak terpilih untuk kedua-dua

program ini. Tapi, saya bernasib baik kerana penerbit RTM, Alex Reza mencari ikon untuk saluran TVi dan ambil saya sebagai seorang daripada ikon dan pengacara pada April 2011. Saluran ini begitu popular di Sabah dan Sarawak, jadi pemilihan saya dibuat kerana saya berasal dari Sarawak.

"Dalam pada itu saya juga bebas untuk berlakon dan pernah membintangi drama Mimi Mencari Cinta

dan Ampunkan Dosaku. Boleh dikatakan tawaran tidak pernah terhenti dan saya bersyukur dengan rezeki yang datang," katanya.

Falisha kerap diberi watak antagonis dan remaja 'gedik'. Namun menerusi Derhaka Seorang Madu wataknya berlainan apabila menjadi budak sekolah dan remaja sedangkan umurnya sudah menjangkau awal 30-an.

"Orang tak percaya umur saya begini kerana


fizikal saya yang genit. Ini kali pertama saya bawa watak protagonis. Tak sangka ia bawa kesan kerana ramai yang bersimpati dengan watak Malissa. Sememangnya rasa bertuah dapat watak ini.

"Bagaimanapun, saya tak nafikan kelompok peminat saya masih kecil kerana ramai yang belum kenal siapa Falisha Crossley. Apapun saya mempunyai peminat dari Sabah dan Sarawak yang mengikuti

saluran TVi. Diharapkan populariti saya lebih meningkat selepas ini," katanya yang tidak mengejar glamor sebagai artis.

Biarpun wajahnya nampak lembut dan berperwatakan manja, Falisha sebenarnya seorang yang lasak dan pernah bergelar atlet sekolah untuk acara balapan 400 meter dan 4 x 400 meter. Dia teringin untuk berlakon cerita aksi pula bagi membuktikan dia memang lasak.

ja "Bagaimanapun, saya me-



Headline	Tuah watak susah senyum		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R16,17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 32,707
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,121

Lakonan Aman menerusi drama bersiri Derhaka Seorang Madu berjaya pikat penonton



Headline	Tuah watak susah senyum		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R16,17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 32,707
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,121

